KERTAS MODEL SPM


Skor /100

Kertas 1

1 jam 15 minit

Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** *soalan. Jawab* **semua** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.*

1. Gambar 1 menunjukkan sejenis barang dalam ekonomi.



Gambar 1

Apakah tujuan kerajaan menyediakan barang tersebut?

A Menurunkan kadar pengangguran
B Meningkatkan pendapatan negara
C Memaksimumkan kebajikan rakyat
D Meningkatkan kadar pertukaran asing

2. Maklumat di bawah menunjukkan tiga jenis tenaga buruh.

- Operator pengeluar
- Penyelia kilang kayu
- Pegawai keselamatan kilang

Apakah ganjaran yang diterima oleh sumber ekonomi di atas?

A Upah
B Sewa
C Faedah
D Untung

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Pengusaha-pengusaha keropok ikan telah meningkatkan pengeluaran ketika ketibaan pelancong asing di Malaysia pada bulan Mei hingga Julai.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan dalam situasi tersebut?

I Apakah yang hendak dikeluarkan
II Berapakah yang hendak dikeluarkan
III Bagaimanakah hendak dikeluarkan
IV Untuk siapakah dikeluarkan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang keluk kemungkinan pengeluaran?

A Had maksimum pengeluaran dua jenis barang yang boleh dikeluarkan oleh sesebuah negara
B Had maksimum pengeluaran dua jenis barang yang boleh dikeluarkan oleh sesebuah firma
C Had maksimum pengeluaran pelbagai jenis barang yang boleh dikeluarkan oleh sesebuah negara
D Had minimum pengeluaran dua jenis barang yang boleh dikeluarkan oleh sesebuah negara


5. Antara yang berikut, yang manakah ciri sistem ekonomi pasaran bebas?

I Pilihan pengguna terhad
II Pengguna dan pengeluar bebas memiliki sumber ekonomi
III Harga ditentukan melalui mekanisme harga
IV Sumber ekonomi dimiliki oleh kerajaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan terhadap suatu barang.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah menunjukkan perubahan kuantiti yang diminta dari D_0D_0 ke D_1D_1?

A Harga barang itu dijangka turun pada masa depan
B Kadar cukai pendapatan meningkat
C Harga barang pengganti turun
D Pendapatan bersih pengguna meningkat

7. Pernyataan manakah yang menyebabkan permintaan terhadap getah asli tempatan meningkat?


A Cuaca bertambah baik
B Pemberian subsidi bertambah
C Harga getah tiruan meningkat
D Cukai import getah asli meningkat

8. Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu penawaran barang Y.


Harga barang Y meningkat

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan harga kepada penawaran barang tersebut?


A




B




C



D



9. Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran Firma A (S_a) dan Firma B (S_b) bagi suatu barang.



Rajah 2

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Jadual yang manakah menunjukkan penawaran pasaran bagi barang tersebut?

A

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
5	27
6	42
8	50

B

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
5	17
6	22
8	30

C

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
5	25
6	27
8	30

D

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
5	27
6	37
8	50

10. Jadual 1 menunjukkan penawaran pasaran bagi tiga firma.


Harga seunit (RM)	Kuantiti penawaran (unit)		
	Firma P	Firma Q	Firma R
8	60	100	75
6	50	85	70
4	40	55	65
2	30	45	60

Jadual 1

Berapakah tingkat harga keseimbangan pasaran jika kuantiti permintaan pasaran ialah 160 unit?

A RM2
B RM4
C RM6
D RM8

11. Rajah 3 adalah keluk permintaan suatu barang.



Rajah 3

Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

A 0.25 **C** 0.75
B 0.50 **D** 1.05

12. Jadual 2 menunjukkan penawaran terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
2	10
4	16

Jadual 2

Pernyataan yang manakah **betul** tentang jadual di atas?

A Nilai pekali keanjalan ialah 1.5
B Contoh barang adalah kelapa sawit
C Harga diturunkan untuk meningkatkan jumlah hasil
D Bekan cukai pengguna adalah lebih besar daripada beban cukai pengeluar

13. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan keanjalan harga permintaan tak anjal?

I Keluk permintaan adalah landai
II Pekali keanjalan kurang daripada satu
III Pembeli tidak responsif terhadap perubahan harga
IV Peratus perubahan kuantiti melebihi peratus perubahan harga

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

14. Maklumat berikut berkaitan dengan fungsi wang.

> Ali menyimpan wang sebanyak RM30 000 dalam akaun simpanan tetap untuk tujuan pada masa akan datang.

Apakah fungsi wang tersebut?
A Alat ukuran nilai
B Alat simpanan nilai
C Alat bayaran tertunda
D Alat perantaraan pertukaran

15. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan.

> Puan Rosmiza membuka akaun semasa di sebuah bank X. Dia membeli polisi insurans nyawa dengan bayaran premium sebanyak RM150 sebulan. Dia mengarahkan pihak bank membuat bayaran tersebut bagi pihak dirinya pada setiap 7 hari bulan.

Apakah perkhidmatan bank tersebut?
A Pindahan kredit **C** Pinjaman peribadi
B Debit langsung **D** Perintah sedia ada

16. Maklumat berikut berkaitan dengan satu prinsip perbankan Islam.

> • Jualan secara ansuran
> • Pembiayaan perumahan

Apakah prinsip tersebut?
A Takjiri **C** Mudharabah
B Wadiah **D** Bai Bithaman Ajil

17. Antara berikut, yang manakah merupakan kegiatan yang dikategorikan dalam sektor kedua?
I Perkilangan III Peruncitan
II Pembinaan IV Perhotelan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV


18. Jenis pekerjaan manakah yang tergolong dalam sektor utama?
A Pemborong makanan ringan
B Pengurus ladang getah
C Pemandu bas
D Pelukis pelan

19. Apakah ganjaran yang diterima oleh seorang tukang masak?
A Untung **C** Faedah
B Upah **D** Dividen

20. Antara berikut, yang manakah tujuan seseorang individu memilih pekerjaan berdekat dengan tempat tinggal?
I Meningkatkan tabungan
II Menziarahi ahli keluarga
III Mengurangkan pembayaran cukai
IV Meningkatkan pendapatan per kapita
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21. Pilih langkah penyediaan belanjawan peribadi yang **betul**.
I Mencatat semua perbelanjaan yang akan dilakukan
II Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
III Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
IV Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan
A I, II, III dan IV
B II, III, IV dan I
C III, I, II dan IV
D IV, I, II dan III

22. Gambar 2 menunjukkan sejenis input pengeluaran.



Gambar 2

Pernyataan yang manakah **benar** tentang input tersebut?
A Wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
B Berubah secara langsung dengan tingkat keluaran
C Tetap wujud walaupun output sifar
D Contoh input lain termasuk buruh

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

23. Jadual 3 menunjukkan hubungan antara input dengan jumlah keluaran suatu barang.

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)
2	4	20
2	8	30
2	12	40

Jadual 3

Berapakah keluaran sut apabila input berubah meningkat dari 4 unit ke 8 unit?

A 2.50 unit **C** 5.00 unit
B 3.75 unit **D** 7.50 unit

24. Jika kerajaan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, apakah kesan yang akan berlaku dalam ekonomi negara?

I Kadar pengangguran meningkat
II Kuasa beli masyarakat meningkat
III Taraf hidup masyarakat meningkat
IV Pendapatan masyarakat menurun

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

25. Pernyataan manakah **benar** tentang pengangguran?

A Pengangguran kitaran berlaku semasa perubahan struktur ekonomi
B Pengangguran geseran merupakan pengangguran yang berlaku dalam jangka panjang
C Pengangguran kitaran berlaku apabila berlaku perpindahan pekerjaan
D Kadar pengangguran yang tinggi akan menyebabkan pembaziran sumber ekonomi

26. Jadual 4 menunjukkan sebahagian sumber hasil kerajaan persekutuan pada suatu tahun.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Cukai pendapatan individu	25 400
Cukai pendapatan petroleum	35 226
Cukai perkhidmatan	4 408
Cukai jalan	6 059
Duti import	3 211
Duti eksais	21 038

Jadual 4

Berapakah jumlah hasil kerajaan daripada sumber hasil cukai langsung?

A RM25 016 juta **C** RM51 225 juta
B RM47 593 juta **D** RM60 626 juta

27. Padanan yang manakah **betul**?

	Dasar fiskal mengembang	Dasar fiskal menguncup
A	Meningkatkan kadar cukai	Menurunkan kadar cukai
B	Meningkatkan permintaan agregat	Mengurangkan permintaan agregat
C	Menurunkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
D	Digunakan semasa berlaku inflasi	Digunakan semasa berlaku kemelesetan ekonomi

28. Antara yang berikut, situasi yang manakah melibatkan perdagangan antarabangsa?

A Kilang biskut Zati menjual biskut Merry sempena perayaan Hari Krismas
B Negara India mengimport minyak sawit daripada pengeksport Malaysia
C Apple Inc. mengeluarkan telefon pintar terbaharu pada bulan Mei ini
D Syarikat KKY menjalankan promosi untuk meningkatkan permintaan terhadap produknya

29. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang kawalan pertukaran asing?

A Cukai yang dikenakan ke atas barang import
B Larangan mengimport barangan dari negara tertentu
C Had maksimum kuantiti barangan yang diimport
D Kerajaan mengawal pembelian mata wang asing oleh pengimport

30. Antara yang berikut, yang manakah keburukan sekatan perdagangan antarabangsa?

I Penawaran barang import meningkat
II Peningkatan harga barang import akan merugikan pengguna tempatan
III Industri tempatan yang berdaya saing cenderung menjadi monopoli di pasaran
IV Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara terbantut

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

31. Apakah faktor yang akan menyebabkan imbangan dagangan Malaysia cenderung menjadi positif?

A Peningkatan jumlah nilai eksport barangan perkilangan Malaysia

B Pelabur Malaysia meningkatkan jumlah pelaburan di luar negara

C Peningkatan kemasukan pelancong asing sempena Kempen Melawat Malaysia

D Kerajaan menghantar lebih ramai pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara

32. Antara yang berikut, yang manakah merupakan komponen akaun kewangan?

I Pelaburan langsung
II Pelaburan portfolio
III Urus niaga kerajaan
IV Pendapatan pelaburan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

33. Jadual 5 menunjukkan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Pound Sterling (£).

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2021	£1.00 = RM5.75
2022	£1.00 = RM5.23

Jadual 5

Apakah kesan yang berlaku ke atas Malaysia pada tahun 2022 berbanding tahun 2021?

A Harga eksport Malaysia ke Britain lebih murah

B Jumlah import Malaysia dari Britain akan meningkat

C Imbangan dagangan Malaysia dengan Britain cenderung menjadi positif

D Harga barang Britain di Malaysia lebih mahal

Soalan 34 *hingga* **Soalan 40** *berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

34. I Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan menurun.
II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.

35. I Firma ialah organisasi yang membekalkan faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
II Firma akan mendapat untung apabila jumlah kos lebih besar daripada jumlah hasil.

36. I Penawaran anjal merujuk kepada peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti.
II Pekali keanjalan harga penawaran anjal adalah lebih daripada satu.

37. I Pengeluaran jangka pendek melibatkan input tetap sahaja.
II Pengeluaran melibatkan pertukaran bentuk input kepada output.

38. I Dalam perdagangan antarabangsa, negara pengimport membuat pembayaran dengan menggunakan mata wang negara pengeksport.
II Mata wang negara pengeksport yang dimiliki oleh negara pengimport dikenali sebagai pertukaran asing.

39. I Imbangan pembayaran defisit ialah wang penerimaan lebih besar daripada wang pembayaran.
II Barang pertanian adalah komposisi eksport barang nampak dalam perdagangan antarabangsa.

40. I Pendapatan primer bermaksud pendapatan dan pembayaran kepada pekerja asing yang berkhidmat di Malaysia.
II Pendapatan sekunder ialah pendapatan bayaran pindahan yang dilakukan dan diterima oleh pihak kerajaan dan pihak swasta dalam tempoh satu tahun.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kertas 2

2 jam 15 minit

Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** *bahagian*: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A

[60 *markah*]

Jawab **semua** *soalan di bahagian ini*.

1. (a) Terangkan sumber ekonomi yang diperlukan untuk membina rumah kos rendah.

[4 *markah*]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi.

Sistem ekonomi campuran lebih baik daripada sistem ekonomi pasaran bebas.

Jelaskan pernyataan di atas.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Jadual 1 menunjukkan permintaan terhadap komputer riba pada tahun 2023.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
Mei	2 600	3 000
Jun	2 600	6 000

Jadual 1

Terangkan penentu yang mempengaruhi permintaan bukan harga barang itu sendiri.

[6 *markah*]

(d) Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga bagi barang A dan barang B.

Jenis barang	% perubahan kuantiti diminta	% perubahan harga
Barang A	2	4
Barang B	4	2

Jadual 2

Jelaskan pekali keanjalan harga permintaan bagi setiap barang di atas.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

[6 *markah*]

2. (a) Perbualan berikut berkaitan dengan kerjaya dua orang sahabat.

Adam: Rifi, aku bangga dengan engkau menjadi seorang petani yang berjaya di Tanah Merah, Kelantan.
Rifi : Engkau pun apa kurangnya, dapat menjadi seorang pegawai bank.

(i) Bezakan kerjaya yang dipilih oleh Adam dan Rifi berdasarkan faktor pemilihan.

Petani/Rifi	Pegawai Bank/Adam

[6 *markah*]

(ii) Mengapakah Rifi melakukan bekerja sendiri? Berikan pandangan anda.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Mengapakah barang kehendak lebih digemari oleh pengguna daripada barang keperluan? Berikan pandangan anda.

[4 *markah*]

(c) Maklumat berikut merupakan kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesebuah firma.

- Bahan mentah
- Cukai jualan
- Sewa tapak perkilangan

Terangkan setiap jenis kos tersebut.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. (a) Gambar 1 menunjukkan sejenis barang. Jelaskan peranan kerajaan sebagai pengeluar barang tersebut.



Gambar 1

[4 *markah*]

(b) Terangkan **dua** jenis cukai langsung dan **dua** jenis cukai tidak langsung.

[6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya perdagangan antarabangsa.

[4 *markah*]

(d) Jadual 1 menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding dengan setiap Dolar Amerika Syarikat.

Bulan	Kadar pertukaran
September 2021	USD1.00 = RM4.19
September 2022	USD1.00 = RM4.57

***Sumber**: https://www.xe.com/currencytables/*

Jadual 1

(i) Jika seorang warga Amerika Syarikat telah melabur sebanyak RM70 000 di Malaysia pada bulan September 2021, berapakah Dolar Amerika Syarikat disediakannya untuk memenuhi tujuan tersebut?

[2 *markah*]

(ii) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran tersebut ke atas imbangan perdagangan Malaysia dengan negara tersebut.

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

[40 *markah*]

Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

4. Maklumat berikut berkaitan dengan bantuan kerajaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Elaun Pekerja Cacat (EPOKU)

Kenaikan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM400 kepada RM450 sebulan sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

#Kewangan #Miskin #OKU #JKM #2022

***Sumber**: https://budget.mof.gov.my/manfaat/rakyat-kewangan.html*

(a) Jelaskan pendapatan yang diterima oleh golongan tersebut. [4 *markah*]

(b) Mengapakah kerajaan bertindak sedemikian? Kemukakan pendapat anda. [9 *markah*]

(c) Jelaskan kesan peningkatan elaun OKU terhadap pasaran barang keperluan. [7 *markah*]

5. Petikan berikut berkaitan dengan kenaikan harga barang di Malaysia.

Kenaikan harga barangan keperluan sejak akhir-akhir ini memberi kesan yang besar kepada kehidupan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Ini ditambah pula dengan keadaan pandemik COVID-19 yang mempengaruhi pendapatan per kapita keluarga berikutan ada yang kehilangan pekerjaan atau tidak boleh meneruskan perniagaan.

(a) Jelaskan keadaan ekonomi semasa di atas. [4 *markah*]

(b) Bagaimanakah anda mengatasi masalah kenaikan harga dalam kehidupan harian? Jelaskan. [9 *markah*]

(c) Jelaskan kesan peningkatan harga barang tersebut terhadap pasaran gula. [7 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan projek ECRL.

Pembangunan kemajuan Projek ECRL capai 30 peratus

BENTONG 23 Jun - Kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sudah mencapai kemajuan 30 peratus setakat Mei, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong. Beliau berkata kemajuan pembinaan Projek ECRL kini pada tahap yang meyakinkan untuk mencapai sasaran sebanyak 37 peratus menjelang akhir tahun ini.

***Sumber**: https://www.hmetro.com.my/*

(a) Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh unit ekonomi di atas. [4 *markah*]

(b) Projek tersebut dilaksanakan oleh kerajaan dapat menggalakkan berlakunya proses globalisasi di Malaysia. Bincangkan. [9 *markah*]

(c) Jelaskan kesan pelaksanaan projek tersebut kepada negara dan masyarakat. [7 *markah*]

7. Maklumat berikut berkaitan dengan industri batik.

Batik Malaysia lebih mahal daripada Batik Indonesia. Ia merupakan salah satu punca menyebabkan rakyat tempatan membeli kain batik dari Indonesia.

(a) Selain masalah di atas, huraikan masalah lain yang dihadapi oleh industri batik. [4 *markah*]

(b) Mengapakah industri batik penting bagi sesebuah negara? Jelaskan. [9 *markah*]

(c) Cadangkan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menangani isu di atas. [7 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.